



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

HARI BERTEMU PELANGGAN PERINGKAT ZON PANTAI TIMUR, JUN 2023

1. Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Zon Pantai Timur bertempat di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Terengganu, Terengganu pada 19 Jun 2023. Turut diadakan ialah Sesi Dialog bersama YB Menteri Sumber Manusia yang melibatkan pemain industri dan penyedia latihan TVET di sekitar Negeri Terengganu dan Zon Pantai Timur.
2. Sesi Dialog bersama YB Menteri Sumber Manusia ini telah membincangkan pelbagai topik mengenai penglibatan dan sumbangan industri dalam program-program Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Institusi Latihan TVET. Tujuan sesi ini adalah untuk memperkasa Agenda Pemerkasaan TVET Negara. Beberapa perkara yang telah dibincangkan adalah seperti Sistem Latihan Dual Nasional, Penarafan Tunggal Program TVET, Latihan Industri, Latihan Sangkutan Industri, Jawatankuasa Penasihat Teknikal, perkongsian kepakaran dan pengetahuan teknologi terkini melalui kolaborasi, nota kerjasama, serta Memorandum Persefahaman (MoU) antara industri dan institusi latihan TVET.
3. Sesi Dialog ini telah dihadiri oleh 350 industri dan penyedia latihan TVET sekitar Negeri Terengganu dan sebahagian Zon Pantai Timur.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
TERENGGANU
19 JUN 2023**